

29/09/1998

Selangor selesai beri penerangan

SHAH ALAM, Isnin - Semua bahagian Umno di Selangor sudah hampir selesai mengadakan majlis penerangan kepada ahlinya berhubung pelucutan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada Kabinet dan pemecatan keahliannya dalam Umno.

Ketua Penerangan Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Mohd Sharif Jajang, berkata majlis penerangan itu perlu diadakan bagi menjelaskan kepada semua ahli Umno dan rakyat mengenai keputusan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memecat timbalannya bagi mengelakkan kekeliruan.

Beliau berkata, setakat ini hampir semua bahagian Umno sudah mengadakan penerangan bagi memberi kefahaman mendalam terhadap tindakan Perdana Menteri dan jika ada bahagian yang belum berbuat demikian, ia masih dalam persiapan.

Bagaimanapun, katanya, beliau percaya pemimpin dan rakyat di Selangor sudah mendapat maklumat yang jelas melalui Menteri Besar, Datuk Abu Hassan Omar selaku Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri.

(END)